SEJARAH DAN DASAR PERJUANGAN KEADILAN

Syed Husin Ali

PARTI KEADILAN RAKYAT

Sejarah dan Dasar Perjuangan

1

SEJARAH PARTI

1. Teras utama dasar perjuangan Parti terletak pada namanya, iaitu Keadilan Rakyat. Konsep Keadilan bukannya baru. Ia sudah lama wujud dan mempunyai asas pada (a) ajaran agama, (b) leluhur dan legenda, dan (c) sejarah bangsa dan kemanusiaan.

2. Semua agama besar tegas mengajar dan mengutamakan nilai tentang Keadilan. Bagi Islam, terdapat banyak ayat dalam Al-Quran berhubung dengannya. Misalnya, "InnalLaha ya'murukum bil adl wal ihsan". Nabi Musa menentang kuasa Firaun lambang keangkuhan, yang disokong Qarun penindas (ekonomi) dan Haman (kepercayaan), demi keadilan dan kebebasan. Mereka yang berniaga disuruh adil dalam timbangan mereka.

3. Antara legenda Melayu yang penting ialah pertarungan antara Hang Tuah dengan Hang Jebat yang juga menetapkan asas siasah pemerintahan adil ditaati (sembah); pemerintah (Raja) zalim disanggah. Jebat dilambangkan sebagai seorang pahlawan yang mahu memperjuangkan keadilan bagi sahabatnya Tuah, yang dilihatnya sebagai dizalimi raja. Malangnya, bila mendapat kuasa, Jebat menjadi curang dan korup. Itu salah satu sebab dia kecundang.

4. Dalam sejarah manusia berulang kali terdapat contoh golongan rakyat tertindas berjuang untuk menegakkan keadilan serta

kebebasan. Hamba berontak melawan tuan, rakyat jelata bangkit menentang Raja, pekerja bangun mencabar pemodal dan rakyat berjuang menghalau penjajahan. Kesemuanya mahukan keadilan dan pembebasan dalam pelbagai bidang.

Zaman Penjajahan

5. Di bawah penjajahan, negara ditekan dan rakyat ditindas. Kekayaan negara diangkut keluar untuk membangun ekonomi penjajah dan tidak digunakan untuk faedah dan kesejahteraan rakyat. Nasib rakyat tidak dipedulikan. Keadaan sosio-ekonomi rakyat terbiar dan terletak jauh lebih rendah daripada golongan penjajah yang berkuasa. Hanya segolongan kecil elit yang bekerjasama dengan penjajah yang diberikan sedikit keistimewaan.

6. Dalam abad ke-20 rakyat yang terjajah di seluruh dunia bangkit untuk memerdekakan negara dan membebaskan bangsa. Di negara ini mula-mula sekali badan-badan seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin Helmi dan kemudian Ishak Hj Muhamad (Pak Sako), serta sayap pemudanya, Angkatan Pemuda Insaf (API) pimpinan Ahmad Boestamam dan sayap wanitanya Angkatan Wanita Sedar (AWAS pimpinan Shamsiah Fakeh), Hizbul Muslimin yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar Bakir. Parti Komunis Malaya (dengan Chin Peng sebagai Setiausaha Agungnya) berganding bersama persatuan-persatuan pekerja untuk berjuang menegakkan kemerdekaan dan pembebasan.

7. Dalam pada itu beberapa pertubuhan politik dan bukan politik telah menubuhkan sebuah gabungan pelbagai kaum bernama PUTERA-AMCJA untuk mencapai tujuan ini. Gabungan PUTERA (terdiri

dari pertubuhan-pertubuhan Melayu) dan AMCJA (All-Malaya Council of Joint Action), (terdiri daripada pertubuhan bukan Melayu) sangat digeruni oleh penjajah. Ia merupakan gabungan bukan-perkauman yang bersatu tenaga untuk mencapai satu tujuan menghalau penjajahan dan mendirikan negara bebas serta adil. Gabungan ini diketuai oleh Dr Burhanuddin Helmy dan Tan Cheng Lok (kemudian bergelar Sir).

8. Berikutan penjajah British mengisytiharkan undang-undang Darurat pada bulan Jun 1948, parti-parti serta pertubuhan progresif yang memperjuangkan kemerdekaan tulen untuk negara ini telah diharamkan. PUTERA-AMCJA turut ditutup. Berpuluh ribu pemimpin serta anggota semua pertubuhan yang merupakan gerakan raksasa rakyat menuntut kemerdekaan itu ditahan tanpa dibicarakan. Banyak kampung Melayu yang dianggap menyokong pejuang-pejuang kemerdekaan dan kediaman Cina yang dituduh membantu komunis dipindahkan secara paksa.

Zaman Merdeka

9. Buat seketika, wujud satu kekosongan politik dan perjuangan kemerdekaan dilemahkan. Dalam keadaan tersebut, penjajah British telah menggalakkan beberapa orang pegawai kerajaan Melayu terutama dari golongan bangsawan untuk membentuk UMNO. United Malay National Organisation, yang nama asalnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar) disokong serta digalak oleh penjajah untuk mengisi kekosongan dan menjadi pengganti yang dipilih untuk menjuarai usaha menuntut kemerdekaan.

10. UMNO berjaya menonjolkan dirinya sebagai pembela orang

Melayu dan institusi raja, dengan memimpin penentangan terhadap rancangan Malayan Union anjuran penjajah Inggeris yang dibawa oleh McMichael. Mula-mula slogan perjuangan UMNO ialah "Hidup Melayu" dan hanya kemudian bertukar kepada "Merdeka". Perbezaan dasar mengenai kewarganegaraan menyebabkan Dato onn meninggalkan UMNO. Perjuangan kemerdekaan yang dibawa UMNO diterima oleh kuasa penjajah. Akhirnya British bersetuju menganugerhkan kemerdekaan kepada Tengku Abdul Rahman, pemimpin UMNO dan PERIKATAN, iaitu gabungan UMNO berserta MCA dan MIC.

11. PERIKATAN ditubuhkan hasil gesaan dari Jabatan Jajahan Britih (Colonial Office) agar UMNO membuktikan kerjasama antara kaum sebelum kemerdekaan boleh diberi. Sebelum Merdeka mula-mula terjalin kerjasama antara UMNO, MCA dan MIC untuk bertanding dalam pilihanraya munisipaliti Kuala Lumpur. Ini membawa kepada pembenukan Perikatan, yang telah memenangi pilihanrya pertama pada tahun 1955. Akhirnya Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 di bawah anjuran Perikatan. Pada 16 September 1965, selepas Konfrontasi dari Indonesia, Malaysia ditubuhkan dengan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

12. Walaupun Perisytiharan Kemerdekaan yang dibaca oleh Tunku Abdul Rahman menyebut tentang membina keadilan serta kesejahteraan untuk rakyat, namun ini tidak dilaksanakan. Perikatan menerima kemerdekaan dengan mewarisi dan melaksana kebanyakan sistem dan polisi yang dijalankan oleh penjajah. Umpamanya, dari segi ekonomi diteruskan dasar pasaran bebas atau kapitalis yang tidak membela rakyat sepenuhnya. Dari segi pertahanan, negara masih terikat dan bergantung kepada kuasa-kuasa Anglo-Amerika termasuk perjanjian pertahanan dengan Australia dan New

Zealand. Dari segi keselamatan diteruskan undang-undang darurat dan diperkenalkan pula ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) dan Akta Hasutan yang zalim.

13. Tidak dinafikan ada percubaan untuk membawa pembangunan kepada kawasan dan penduduk kampung melalui rancangan Buku Hijau ciptaan PM Abdul Razak Hussein. Akan tetapi ia tidak begitu berjaya mengurangkan jurang sosio-ekonomi yang bertambah melebar di antara golongan miskin dengan golongan kaya dan di antara kawasan kampung dengan kawasan bandar. Dasar Ekonomi Baru (DEB), diperkenalkan selepas Peristiwa 13 Mei 1969 yang berdarah, untuk memperbaiki ekonomi orang Melayu dan Bumiputera yang susah lebih berjaya diperalat oleh segelintir pemimpin untuk memperkayakan diri sendiri serta kroni mereka. Hal ini ketara sekali berlaku di bawah pemerintahan yang diterajui Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun.

Pembentukan KEADILAN

14. Pada tahun 1997, dalam suasana krisis ekonomi yang melanda negara (dan rantau ini), berlaku kemelut dalam politik pemerintah. PM Mahathir termakan fitnah terhadap Timbalannya dan dengan kezaliman Firauni memecat Anwar Ibrahim dan mengaibkannya serta anak isterinya. Mahathir menggunakan kuasa sepenuh-penuhnya dengan memperalatkan institusi-institusi utama seperti polis, mahkamah dan media. Sebahagian besar rakyat marah kerana merasakan ketidakadilan telah berlaku. Mereka bangkit melalui pilihanraya dan jalanraya untuk menegakkan keadilan.

15. Gerakan Reformasi, yang dimulakan Anwar sebelum dipenjara,

melalui rapat-rapat raksaksa yang mendapat sokong besar dari rakyat, berkembang luas selepas itu. Gerakan ini bukan semata-mata bertujuan untuk membebaskan Anwar saja, walaupun sering penjurusannya ke sana. Perjuangan serta matlamat gerakan Reformasi yang lebih luas terbukti dan dihuraikan dalam Deklarasi Permatang Pauh.

16. Semasa gelombang Reformasi inilah timbul idea menubuhkan ADIL sebagai sebuah NGO. Oleh kerana tuntutan keadaan dan juga kesedaran rakyat, ADIL kemudian dikembangkan menjadi sebuah parti politik, Parti Keadilan Nasional (keADILan). Parti ini dipimpin oleh Dr Wan Azizah Ismail dan mendukung semangat deklarasi itu. Ia mengemukakan dasar serta agenda agak luas walaupun kelihatan juga unsur mengutamakan tuntutan keadilan dan pembebasan untuk Anwar.

17. Sehingga sekarang persepsi yang timbul di kalangan sebahagian orang ramai dan juga di antara sebilangan kecil aktivis parti serta reformis ialah matlamat keADILan cuma untuk menuntut kebebasan Anwar. Persepsi ini sengaja diperkukuh serta disebar luas oleh propaganda pemerinah melalui media yang mereka miliki dan kuasai. Mereka menuduh dan mahu rakyat percaya keADILan tidak mempunyai matlamat selain itu. Ini tidak benar.

18. Sebenarnya, bagi keADILan waktu itu, Awar melambangkan kezaliman yang dilakukan ke atas seorang pemimpin yang dihormati. Segala alat pemerintah, terutama mahkamah, polis dan media digunakan untuk memburuk dan mencederakan beliau. Jika ini boleh berlaku kepada pemimpin seperti Anwar, sudah tentu mudah saja ia boleh dikenakan ke atas rakyat biasa. Bahkan memang ramai rakyat yang sudah dizalimi.

19. Mereka ditekan oleh pelbagai kuasa dan undang-undang zalim, terutama ISA. Mereka difitnah sebagai pro-komunislah, pro-Islam extremislah, mengancam keselamatanlah, mahu menggulingkan kerajaanlah dan macam-macam lagi. Semua tuduhan tidak dibuktikan dan semua yang ditahan tidak dibawa ke mahkamah. Fitnah pemerintah disambut dengan keganasan polis, pembohongan media dan mahkamah berat sebelah.

20. Oleh itu, Anwar menjadi lambang mangsa kezaliman pemerintah. Perjuangan untuk membebaskan Anwar menjadi lambang perjuangan untuk membebaskan tahanan politik, dan membebaskan mahkamah, polis dan media daripada dikongkong dan diperalatkan oleh pemerintah yang zalim. Maka itulah reformasi atau perubahan dalam pelbagai bidang diperlukan. Inilah yang menjadi antara dasar perjuangan Keadilan Nasional, sesuai dengan Deklarasi Permatang Pauh.

21. Sebelum pilihanraya umum 1999, keADILan, PAS, DAP dan PRM telah menjana sebuah gabungan yang diberi nama Barisan Alternatif (BA). BA telah mengeluarkan sebuah Manifesto Bersama yang lengkap serta terperinci. Gabungan ini serta manifesto ini membuktikan dasar serta visi keADILan yang lebih luas bersama parti-parti bukan pemeritah yang lain. Dengan sokongan meluas dari pengundi Melayu, BA telah mendapat kemenangan agak besar. Kemenangan ini tentu akan lebih besar sekiranya pengundi bukan Melayu tidak beralih kepada UMNO-BN.

2

DASAR KEADILAN

21. Pada 3 Ogos 2003, percantuman di antara Parti Keadilan Nasional (keADILan) dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) diisytiharkan. Percantuman ini disokong dengan majoriti melebihi 2/3 oleh Mesyuarat Agung keADILan dan Kongres PRM sebelumnya. Akan tetapi ada percubaan pihak pemerintah untuk melengah-lengahkan pengiktirafan keputusan ini. Oleh itu kedua-dua parti mendakwa Pendaftar Pertubuhan (ROS) di mahkamah. Akhirnya, Mahkamah Tinggi Shah Alam mengeluarkan perintah supaya percantuman keADILan dengan PRM dibenarkan untuk membentuk Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN).

22. PRM sudah wujud lebih lama dan mempuyai sejarah serta tradisi berlainan sedikit dari keADILan. Ia ditubuhkan pada tahun 1955, di penghujung zaman penjajahan dan mewarisi perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKMM diharam pemerintah dan ramai pemimpinnya ditahan di bawah undang-undang Darurat. Ahmad Boestamam yang memimpin API, sayap pemuda PKMM dan pernah ditahan oleh British, menjadi Ketua Umum PRM.

23. Berikutan keputusan Kongresnya pada tahun 2002 PRM, disetujui oleh lebih dua pertiga perwakilan yang hadir untuk ditutup. Akan tetapi dengan tindakan ROS kemudiannya membenarkan PRM boleh terus wujud, sebilangan kecil ahli jawatankuasa yang

sudah memasuki dan memegang jawatan dalam Jawatankuasa Peralihan KEADILAN telah keluar dan meneruskan serpihan itu. Perkembangan selanjutnya membuktikan mereka ini jelas menjalankan aktiviti yang secara objektif dapat dilihat sebagai menjadi alat kepada pimpinan parti-parti musuh yang hendak menimbulkan masalah kepada KEADILAN.

24. PRM yang asal (bukan seperti serpihan sekarng) wujud sebagai parti pelbagai kaum. Intisari dasarnya dari mula ialah untuk menegakkan kemerdekaan dan keadilan sosial yang tulen. Orientasi asalnya menjurus kepada golongan bawahan tertindas digelar Marhein. Peredaran masa dan transformasi masyarakat membawa perubahan dan meluaskan lagi dasar serta orientasinya. Dasar PRM untuk menegakkan keadilan, demokrasi dan perubahan progresif dalam sistem serta institusi pemerintahan dan masyarakat mendekatkannya dengan dasar keADILan.

25. Melalui PRM, KEADILAN mewarisi dasar perjuangan lampau yang bersejarah. Melalui keADILan pula, KEADILAN mengintegrasikan idealisme serta pengalaman menghadapi cabaran baru dalam suasana yang sudah berubah. Tidak banyak masalah dihadapi untuk memadukan dasar perjuangan kedua-dua parti. Malah gabungan kedua parti dianggap mantap kerana melalui PRM, diwarisi kekentalan semangat, walaupun dilanda badai dan tekanan, sementara KEADILAN menampilkan kekuatan dan semangat baru Reformasi terutama di kalangan muda. Akhirnya diterima motto dan dasar perjuangan bagi KEADILAN seperti termaktub dalam Perlembagaan Parti. Walaupun Perlembagaan ini telah dipinda dari segi organisasi Parti, namun asas atau dasar perjuangannya tetap utuh dan tidak berubah.

26. Motto atau cogankata perjuangan Parti, seperti tercatat dalam Fasal 3 Perlembagan Parti, ialah "Keadilan Untuk Semua". (Motto ini tidak mahu diterima oleh ROS; mereka mahu KEADILAN menukar perkataan Keadilan kepada Kesaksamaan). Keadilan yang hendak kita janjikan dan pastikan adalah menyeluruh, dengan tidak mengira perbezaan kaum, kelas, gender, kawasan kediaman dan lain-lain. Keadilan yang dimaksudkan tidak terbatas kepada mahkamah dan undang-undang saja. Ia merangkum juga keadilan untuk mendapatkan peluang ekonomi, hak politik dan kemudahan sosial - pelajaran, kesihatan, perumahan dan sebagainya.

27. Dasar Parti pula termaktub dalam Fasal 5 di bawah tajuk "Tujuan dan Matlamat Perjuangan". Ia mengandungi 17 perkara. Yang pertama dan terpenting ialah: "Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik yang progresif serta bersatu". Perincian tentang segala unsur yang hendak diwujudkan dalam masyarakat dan negara terkandung dalam 16 perkara yang lain. Ini meliputi, kedudukan raja, kedaulatan undang-undang, kebebasaan asasi, kedudukan agama, soal bahasa, sistem persekutuan, kemuliaan insan, sistem ekonomi, kedudukan istimewa Melayu, kemudahan sosial, jaminan pekerja, martabat wanita, hak belia, nasib Orang Asal, alam sekitar dan hubungan antarabangsa.

28. Moto serta tujuan dan matlamat perjuangan KEADILAN merupakan panduan kepada Parti dan semua anggotanya. Inilah visi dan misi Parti. Setiap anggota Parti harus memahami, mengingati, dan menghadamnya. Sdr Anwar adalah jurubicara dan penjelma dasar perjuangan Parti, terutama dalam memenghuraikan isu-isu penting. Oleh itu, ucapan-ucapan beliau hendaklah kita jadikan bahan kajian dan panduan juga.

29. Setiap anggota Parti, terutama sekali pimpinan, perlu mengetahui, mengkaji, memahami dan menghayati 17 Perkara dalam Perlembagaan Parti yang menjadi dasar perjuangan kita bersama. Selain itu kita harus juga berbuat yang sama terhadap Deklarasi Permatang Pauh dan ucapan-ucapan serta kenyataan-kenyataan penting pemimpin utama Parti. Dasar perjuangan Parti, bersama yang lain itu meletakkan dasar dan garis panduan bagi kita bergerak membuat perubahan menuju pembinaan masyarakat adil dan negara demokratik yang progresif serta bersatu.

30. Selepas kemenangan agak besar parti-parti pembangkang dalam pilihanraya ke-12 pada 8 Mac 2008, mereka mewujudkan gabungan bernama PAKATAN RAKYAT. Para pemimpin UMNO-BN mula meniup api kaum dan agama yang sempit untuk mendapatkan sokongan orang Melayu. Mereka menggunakan media pengampu untuk menghebahkan kononnya parti-parti dalam PAKATAN anti-Melayu. Ia memburuhkkan semua pemimpin utama tiap-tiap Parti. Dalam satu Konvensyen yang dihadiri oleh 1500 orang wakil (500 dari tiap-tiap Parti dalam PAKATAN), satu Dasar Bersama telah disetujui. Dasar ini diasaskan kepada keadilan serta demokrasi, dan tidak bersifat perkauman sempit. Walaupun sebelum dan semasa PRU-13 UMNO-BN mempertingkatkan kempennya terhadap PAKATAN, namun gabungan pembangkang ini mendapat kemenangan lebih besar lagi.

31. Berdasarkan Perlembagaan Parti, ucapan-ucapan serta kenyataan-kenyataan pimpinan utama KEADILAN, dan juga Dasar Bersama PAKATAN, boleh dirumuskan intisari dasar Parti Kedilan Rakyat. Ia berpaksikan empat prinsip penting, iaitu: (a) keadilan untuk semua (ertinya keadilan yang tidak memilih bulu), (b) kepedulian terhadap rakyat (iaitu mengambil berat ke atas terutama nasib rakyat dari

golongan bawahan dan lain-lain yang tertindas), (c) mewujudkan integrasi serta perpaduan negara-bangsa, dan (d) mendukung ketinggian nilai moral dan etika (yang harus didukung khususnya oleh pemimpin).

32. Prinsip-prinsip ini boleh menjadi panduan kepada semua dasar dalam pelbagai bidang. Dalam menghayati dan melaksana misi dan visi Parti, kita perlu berorientasikan prinsip-prinsip ini. Maka itulah dalam bahagian-bahagian lain kita akan melihat bagaimana keempat-empat prinsip ini merupakan paksi yang penting bagi semua dasar Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN).

3

KEADILAN DAN POLITIK TIDAK PERKAUMAN

1. Politik dan masyarakat perkauman di negara ini diperkenal dan diperluaskan dalam zaman penjajah. Ia menjadi asas dasar pecah serta perintah (divide and rule) yang dilaksanakan untuk melanjutkan kuasa serta kepentingan penjajahan elit pemerintahnya.

2. Politik perkauman dan dasar pecah serta perintah, yang dimulakan oleh penjajah di negara ini, diwarisi dan diteruskan oleh UMNO-BN sejak Merdeka lagi. Politik dan dasar ini menguntungkan segelintir yang berkuasa serta kaya dan meminggir serta merugikan golongan miskin dan golongan tertindas lain.

3. UMNO-BN sebenarnya parti perkauman, walaupun didakwa sebaliknya. Hampir semua parti komponennya mempunyai anggota dari satu kaum saja. Dasar yang dilaksanakan semua parti komponen, walaupun yang kononnya bersifat pelbagai kaum dari segi keanggotaan, adalah berbentuk perkauman.

4. Dasar-dasar Kerajaan UMNO-BN pada asasnya bersifat perkauman juga. Itu sebab ia menjadi punca ketegangan dan pergaduhan kaum yang mengancam perpaduan bangsa. Itu sebab agenda asal kemerdekaan, iaitu untuk membina satu bangsa bersatu padu dan

menegakkan keadilan sosial gagal sejak Merdeka pada tahun 1957.

5. Sebenarnya tidak salah sekiranya golongan rakyat, bahkan juga badan-badan tertentu termasuk parti politik, membela hak serta kepentingan kaumnya sendiri. Syaratnya: (a) hendaklah diutamakan hak serta kepentingan golongan miskin, (b) hendaklah dibela juga golongan senasib dari kaum lain, dan (c) henaklah jangan menimbulkan kebencian kaum.

6. Tidak ada salahnya satu-satu kaum menghormati bahasa, sekolah, budaya dan agama masing-masing. Akan tetapi perlulah: (a) ada penerimaan peruntukan Perlembagaan yang menetapkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dengan memberi ruang kepada umat Islam menghayati ajaranya dan menekankan keadilan dan kemanusiaan sejagat – Rahmatanlil alamin. Pemeliharaan agama lainya dipertahan dan dijamin kebebasan penganut mengamalkanya; (b) BM sebagai bahasa perhubungan (lingua franca) dan kebangsaan yang penting; (c) ada pengakuan hak semua kaum, dan tidak ada sikap memandang rendah apatah lagi menekan bahasa, sekolah, budaya dan agama masing-masing; (d) ada galakan untuk saling mempelajari, memahami dan menghormati bahasa, pelajaran, budaya dan agama kaum lain; dan (e) ada usaha untuk menghayati dan mengembangkan nilai-nilai serta unsur-unsur budaya dan agama yang universal.

7. Di negara ini golongan berkuasa dan kaya mengandungi segelintir orang dari pelbagai kaum yang bekerjasama rapat. Golongan miskin, terpinggir, terbiar, tertindas dan berpendapatan rendah merupakan majoriti. Mereka terdiri dari semua kaum – Melayu, Cina, India, Iban, Kadazandusun, Bajau, Penan, Orang Asal (Asli) dan lain-lain. Mereka hampir senasib. Merekalah yang patut mula-mula sekali dibantu dan dibela.

8. Parti Keadilan Rakyat menolak politik, dasar dan budaya perkauman. Ia membuka ruang anggota Parti kepada semua kaum dan golongan. Ia mengemukakan dasar yang tidak perkauman. Ini percubaan baru yang memang susah dilaksanakan tetapi perlu dicapai. Diakui bahawa dalam KEADILAN sendiri masih ada anasir-anasir yang terus berfikir serta bertindak secara perkauman. Perkara ini perlu diatasi dan dikikis segera.

9. Setiap pemimpin, aktivis, ahli dan penyokong KEADILAN hendaklah berfikir dan bertindak secara tidak perkauman. Perlu dijauhkan fikiran serta sikap perkauman, terutama yang sempit. Sebarang tindakan yang diambil janganlah melibatkan hanya satu-satu kaum dan mengutama serta membela hak serta kepentingan kaum itu saja. Lebih penting lagi ia hendaklah jangan sampai menimbulkan kebencian kaum lain.

10. Adalah lebih baik sekiranya digalak serta dilaksanakan agar tindakan aktivis India mempertahan kuil disertai oleh aktivis Melayu dan Cina. Begitu juga, manakala ada aktivis Melayu membela peneroka bandar yang diusir secara paksa, aktivis India dan Cina mesti memberi sokongan. Seterusnya, jika ada aktivis Tionghua yang membela sekolah Cina yang cuba dipaksa tutup, aktivis India dan Melayu harus bersama. Begitulah selanjutnya dengan pembelaan ke atas nasib orang-orang Iban, Kadazan, Bajau, Penan dll. yang ditekan.

11. Ada tiga perkara yang boleh menjadi panduan kepada kita bagi menentukan sikap dan tindakan yang tidak perkauman. Pertama, beri keutamaan kepada kepentingan negara-bangsa kita sendiri lebih daripada kepentingan kuasa asing yang dominan. Kedua, beri lebih keutamaan kepada hak rakyat jelata yang didiskriminasi lebih

dari keistimewaan untuk golongan segelintir yang kaya-berkuasa; ertinya laksanakan semangat kepedulian rakyat. Ketiga, bertindak atas asas keadilan untuk semua, dari segi kaum, gender dan taraf berlainan, dan hindarkan sikap serta tindakan perkauman.

12. Penjajahan serta imperialisme bentuk lama sekarang diganti dengan penjajahan berbentuk baru, yang menggunakan wajah globalisasi. Walaupun globalisasi merupakan arus yang tidak boleh ditahan, kita perlu pastikan ia tidak digunakan hanya untuk keuntungan kapitalis antarabangsa dan mengorbankan kepeningan negara dan rakyat kita sendiri. Dari segi inilah FTA dan TPPA tidak boleh diterima bulat-bulat, bahkan perlu ditentang.

13. Malaysia sebuah negara yang kaya, mempunyai hasil mahsul yang banyak. Walaupun banyak usaha pembangunan dijalankan, namun kemajuan yang dicapai oleh Malaysia sejak Merdeka lebih rendah daripada yang dicapai oleh negara-negara sebaya dulu, seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan. Dari segi pendapatan perkapita terkini, Singapura maju kira-kira empat kali ganda, manakala Taiwan dan Korea Selatan pula maju kira-kira dua kali ganda dari Malaysia. Pada hal mereka berada pada kedudukan ekonomi yang sama (dari segi pendapatan perkapita) pada tahun 1960.

14. Sungguhpun kadar kemiskinan dikatakan berkurang di negara kita, namun jurang di antara golongan kaya-miskin semakin meluas, dan antara yang tertinggi di Asia. Jurang atau kesenjangan sosio-ekonomi semakin melebar antara wilayah dan di kalangan kaum yang sama. Ini kerana kekayaan bertumpu hanya kepada segelintir, yang punyai kuasa dan mereka yang rapat dengan golongan berkuasa itu (kroni dan suku-sakat). Yang miskin, berpendapatan rendah dan sederhana merupakan golongan majoriti; mereka terdiri dari semua kaum.

15. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 kononnya untuk membela nasib ekonomi orang Melayu, dengan menghapus kemiskinan dan menambah golongan peniaga serta pengusaha Melayu. Walaupun ada keuntungan yang diperolehi orang Melayu dari segi peluang pekerjaan serta pendidikan, namun golongan yang paling beruntung dan menjadi kaya raya ialah hanya sebilangan kecil korporat Melayu beserta golongan bukan Melayu yang bersyubhat dengan mereka. Bahkan bilangan bukan Melayu yang maha-kaya lebih ramai.

16. Golongan segelintir yang kaya ini merampas kuasa dan merompak kekayaan dengan menggunakan nama DEB dan kedudukan istimewa orang Melayu. Mereka menjadi kaya raya. Sebilangan rakyat ramai Melayu dan Bumiputera masih jauh ketinggalan di belakang, dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Ada juga golongan bukan Melayu yang senasib dengan mereka, terutama India yang di estet dan juga Cina kawasan peneroka bandar.

17. Bukan saja DEB lebih menguntungkan segelintir yang berkuasa dan kaya, bahkan ia juga menganaktirikan golongan Melayu dan bukan Melayu yang miskin, terpinggir dan tertindas. Orang Asal dan India adalah dari kalangan yang termiskin di negara ini. Kedengaran suara dari kalangan sesetengah pemimpin dan aktivis India yang mahukan satu dasar ekonomi seperti DEB, yang boleh memberikan sedikit manfaat kepada masyarakat India. Pendekatan kaum ini tidak akan mengubah keadaan atau membela nasib majoriti orang India.

18. KEADILAN mahukan DEB diganti dengan Agenda Ekonomi Malaysia (AEM), yang membela terutama sekali golongan rakyat

bawahan berpendapatan rendah dan sederhana dari semua kaum di segi ekonomi, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Lebih banyak kekayaan negara mesti ditumpukan demi kepentingan serta kebajikan mereka ini, bukan untuk keistimewaan dan keuntungan segelintir yang kayaraya dan berkuasa itu. Dasar seperti ini akan menguntungkan semua golongan kaum, kerana ramai di kalangan mereka adalah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana. Bahkan ia akan tetap menguntungkan orang Melayu Bumiputera kerana mereka merupakan golongan miskin yang terbesar.

19. Dari segi pendidikan pula, banyak peruntukan wang, alat serta guru ditumpukan kepada sekolah-sekolah yang besar-besar dan baik-baik, terutama di kawasan-kawasan bandar. Anak-sekolah di kampung, di kawasan pendalaman dan estet masih ketinggalan. Ada anak-anak Melayu kampung yang berjaya masuk sekolah-sekolah bermutu yang terbuka untuk mereka. Anak-anak Cina mempunyai sekolah-sekolah menengah Cina yang tinggi kualitinya, bahkan berpeluang sampai ke Universiti. Tetapi, anak-anak India dari ladang dan Orang Asal di pedalaman, misalnya, menemui jalan buntu, sebab sistem pendidikan yang ada untuk mereka teruk sekali keadaannya.

20. Bagi masyarakat India dan Cina, umpamanya, memang boleh difahami mengapa mereka mendesak soal bahasa ibunda mereka. Akan tetapi, yang harus dipandang lebih penting ialah isi serta mutu pendidikan yang anak-anak mereka terima. Dari segi ini pendidikan Tamil ketinggalan. Seharusnya wujud pendemokrasian pendidikan yang boleh memberikan peluang serta kemudahan lebih baik dan luas bagi penuntut-penuntut India, Melayu, Tionghua, Iban, Kadazandusun dan lain-lain, khususnya dari kawasan mundur dan dari lapisan bawahan.

21. Malang sekali, perubahan yang cuba dibawa oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan tidak membantu golongan yang tercicir ini. Rancangan sekolah "cluster", yang diberikan lebih banyak peruntukan dan lebih luas kebebasan pentadbiran, banyak menguntungkan sekolah-seolah yang memang sudah maju, kebanyakan di bandar-bandar. Ertinya ia lebih membantu murid-murid dari kawasan dan golongan yang lebih kaya dan istimewa. Yang miskin dan terpinggir di kawasan-kawasan pedalaman, kampung dan ladang kebanyakannya akan terus terbiar dan ketinggalan.

22. Kita perlu lebih prihatin pada isu dan masalah ekonomi, politik dan sosial yang banyak menjejaskan kedudukan rakyat jelata. Kita mesti membela mereka tanpa mengira kaum. Itu sebabnya Parti kita menekankan prinsip moral dan pengurusan yang baik serta semangat kepedulian rakyat yang merentasi batasan antara semua kaum.

23. Akhirnya, kita mesti menyedari bahaya dari pihak-pihak tertentu yang cuba menimbulkan pecah belah dengan menggunakan isu perkauman dan tafsiran agama yang sempit. Ini caranya mereka boleh bertapak dan seterusnya berkuasa. Setelah berkuasa mereka menjalankan dasar pecah dan perintah lebih buruk lagi untuk melanjutkan kuasa mereka dan untuk mengaut kekayaan dari negara yang dikuasai itu.

4

MEMPERKASA PARTI

1. Sebagai sebuah parti politik, sudah tentulah KEADILAN bercita-cita untuk berkuasa. Kita memilih jalan perlembagaan, iaitu melalui pilihanraya. Akar tetapi aktiviti kita bukan terbatas hanya kepada menyertai pilihanraya berkala. Kita perlu juga membuat kerja massa, melalui usaha-usaha untuk kebajikan rakyat dan menyertai himpunan aman untuk menyuara, menuntut serta membela hak serta kepentingan rakyat ramai sepanjang masa.

2. Kita mesti jelas kuasa itu untuk apa dan untuk siapa? Kita mahukan kuasa untuk membuat perubahan lebih adil dan demokratik dalam pelbagai bidang ekonomi, politik, sosial dan untuk membina negara bangsa yang bersatu padu. Dasar perjuangan kita tercatat dalam Perlembagaan dan dijelaskan dalam banyak ucapan serta kenyataan para pemimpin.

3. Kita mahu perubahan bukan untuk memuaskan ketamakan diri sendiri atau kerakusan segelintir yang berkuasa, akan tetapi kita mahu perubahan yang membela hak, kepentingan serta kebajikan rakyat jelata. Oleh itu sikap kepedulian rakyat sangat penting, iaitu dengan mengambil berat terhadap rakyat dari golongan rendah dan lemah.

4. Untuk berkuasa Parti mesti perkasa, iaitu kuat, bersatu serta

berkesan; pemimpin mesti gigih dan mempunyai komitmen serta visi; dan anggota mesti berdisiplin komited kepada perjuangan serta bersedia berkorban.

5. Berbagai-bagai usaha dan langkah perlu diambil untuk memperkasa Parti. Antara yang penting ialah dengan mengenal diri Parti serta mengenal kawan dan lawan dalam perjuangan.

6. Untuk mengenal diri parti, kita perlu mengetahui sejarah perjuangan dan memahami KEADILAN sebenarnya pewaris perjuangan rakyat untuk keadilan, kerbebasan serta kesaksamaan; memahami kekuatan serta kelemahan parti untuk memperbaikinya lagi; dan menghayati dalam fikiran serta tindakan asas murni perjuangan Parti.

7. Kita kenali lawan kita sebagai segolongan kecil yang berkuasa dan menggunakan kuasa pemerintahan serta segala cabangnya (mahkamah, polis dan media) sebagai alat untuk menegak serta mempertahan kepentingan diri serta golongan sendiri, dan menekan serta mengabai rakyat jelata.

8. Semasa penjajahan (dalam perjuangan kemerdekaan) lawan rakyat ialah penjajah; bukan semua orang/rakyat di negara penjajah, tetapi hanya segolongan kecil elit yang menguasai politik, ekonomi, ketenteraan dan lain-lain dalam negara penjajah itu.

9. Kini, lawan kita ialah segelintir pemimpin UMNO-BN yang menguasai sebahagian besar bidang politik, ekonomi serta ketenteraan; mereka mengutamakan kepentingan diri, kroni serta suku-sakat mereka. Lawan kita bukannya semua anggota UMNO-BN. Ramai ahli UMNO-BN yang tertekan, tertindas dan tertipu oleh pemimpin mereka yang rakus serta korup, dan menentang korupsi,

salah kuasa dan pilih kasih yang diamal oleh pemimpin mereka.

10. Kawan politik sejati kita yang utama ialah sesama anggota Parti. Kita boleh berbeza pendapat atau pandangan, tetapi seharusnya mengutamakan semangat setiakawan. Kita mesti boleh dan berani tegur-menegur serta kritik mengkritik dengan ikhlas dan membina. Kita mengelak atau mengatasi permusuhan dan dendam kesumat sesama kita.

11. Kawan kita yang lain ialah individu, kumpulan, organisasi serta parti yang menentang elit politik dan ekonomi yang berkuasa sekarang, di samping menentang dasar-dasar yang menekan (melalui undang-undang zalim), merugikan rakyat (melalui dasar-dasar anti rakyat) menyusahkan rakyat (melalui korupsi, kenaikan harga barang-barang keperluan yang tidak terkawal), dan mengancam keselamatan (melalui bermacam-macam jenis jenayah dan sebagainya.)

12. Secara objektif ramai ahli serta sesetengah pemimpin UMNO-BN berpotensi menjadi kawan seperjuangan kita. Mereka tertipu serta dapat diperalatkan oleh pemimpin rakus, kerana belum mempunyai kesedaran atau disogok dengan pelbagai cara. Adalah menjadi tugas kita menyedarkan mereka dan menarik hati mereka dan akhirnya bersama kita.

13. Kawan dan lawan tidak terdiri hanya dari satu kaum, keturunan atau kepercayaan. Yang menjadi kawan dari segi politik tidak semestinya mempunyai sikap dan dasar yang sama seratus peratus. Sikap dan dasar yang penting serta serupa, boleh dijadikan program minima untuk mereka bertindak sebagai kawan.

14. Kawan dan lawan bukan saja terbatas dalam sesebuah negara. Bahkan negara luar pun boleh menjadi kawan atau lawan kepada rakyat dan

negara kita sendiri. Ada kuasa-kuasa besar yang wujud di dunia sekarang mencuba dan sering berjaya mendominasi negara-negara membangun, terutama dalam bidang ekonomi, politik, ketenteraan, kebudayaan dan komunikasi. Mereka berperanan sebagai penjajah bentuk baru.

15. Sudah tentu penjajah bentuk baru itu tidak boleh dijadikan kawan sejati. Mereka bertindak demi keuntungan negara dan rakyat mereka sendiri dengan tidak mempedulikan akibat buruk ke atas negara dan rakyat yang didominsinya. Sering berlaku elit pemerintah dari sesetengah negara membangun bekerjasama bahkan bersyubhat dengan elit pemerintah dari negara penjajah bentuk baru ini. Jelas mereka lawan kita.

LAMPIRAN I

Tujuan dan Matlamat Perjuangan Parti

1. Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik, yang progresif serta bersatu.

2. Menghormati sistem Raja Berperlembagaan, memperkukuh Demokrasi Berparlimen, dan mendukung hak serta kuasa rakyat, dan berusaha untuk memantapkan sistem politik negara yang sesuai dengan kehendak serta kepentingan rakyat.

3. Menegakkan kedaulatan undang-undang yang adil, media massa serta kehakiman yang bebas, dan pasukan keselamatan yang berkecuali.

4. Menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua.

5. Mengukuhkan sistem pemerintahan Persekutuan yang adil, bertanggungjawab serta demokratik dalam mengimbangi kepentingan negeri-negeri dengan kekuasaan Pusat.

6. Menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sambil mengiktiraf hak agama-agama lain, dan menggalakkan peranan agama serta nilai-nilai sejagat untuk menegakkan kebenaran, keadilan, ketinggian akhlak, pembangunan insan dan martabat manusia.

7. Mempertingkatkan kemuliaan insan, menegakkan hak asasi

manusia, dan berpegang teguh kepada prinsip integriti dan akauntabiliti dalam bidang ekonomi, politik dan pentadbiran.

8. Melaksanakan ekonomi yang adil serta dinamik, yang mengutamakan pertumbuhan serta pengagihan yang adil dan bebas daripada penindasan, kecurangan serta pembaziran, di samping mengatasi kemiskinan dan membatasi penumpuan kekayaan.

9. Memastikan kedudukan istimewa Melayu digunakan khusus untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka yang miskin serta terbiar serta pembelaan yang adil bagi golongan bukan Melayu yang miskin dan terbiar, demi mencapai kesaksamaan untuk perpaduan nasional.

10. Menyediakan pendidikan, kesihatan dan perumahan yang bermutu, dengan bayaran yang murah lagi munasabah sebagai tanggungjawab sosial pemerintah, terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

11. Memperjuangkan serta menjamin hak bekerja, upahan adil, keselamatan di tempat kerja dan mutu kehidupan yang baik kepada setiap orang.

12. Memperjuangkan hak serta kepentingan wanita, dan menjamin mereka mencapai taraf yang saksama dalam semua bidang.

13. Memperjuangkan hak serta kepentingan belia, dan menjamin peranan yang bermakna bagi mereka dalam semua bidang kehidupan.

14. Meningkatkan mutu hidup Orang Asal di samping menghormati Adat mereka, menyediakan rancangan pembangunan yang sesuai setelah berunding dengan mereka, dan melindungi hak mereka ke atas Tanah Adat.

15. Memajukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa perantaraan, di samping menjamin hak rakyat mempelajari, menggunakan dan berpeluang mendapat pendidikan dalam bahasa-bahasa lain; dan menggalak perkembangan kebudayaan serta kesenian Malaysia, berasaskan unsur-unsur unggul daripada semua warisan peradaban yang wujud di negara ini.

16. Melindungi alam semula jadi daripada pemusnahan; mencegah perosakan serta meningkatkan mutu alam sekitar; dan memastikan pembangunan yang mapan.

17. Menegakkan sistem antarabangsa baru yang adil serta demokratik, melaksanakan dasar luar yang bebas serta beretika, menolak proses globalisasi yang mengancam kepentingan negara serta rakyat, dan seterusnya melindungi ekonomi, politik serta keselamatan negara daripada tertakluk kepada kepentingan kuasa-kuasa besar dunia.

LAMPIRAN II

Rumusan Tujuan dan Matlamat Perjuangan Parti

Fasal 5 Perlembagaan Parti adalah sumber terpenting dasar Parti. Fasal ini menghuraikan Tujaun dan Matlamat Perjuangan Parti. Ia mengadungi 17 perkara dan meliputi pelbagai bidang. Yang pokok ialah:

(a) Politik: Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik (5.1), mendukung hak serta kuasa rakyat (5.2), mengukuhkan sistem pemerintahan Persekutuan yang adil, bertanggungjawab serta demokratik (5.7); melaksanakan dasar luar bebas serta beretika; dan melindungi ekonomi, politik dan keselamatan negara dari cerobohan kuasa besar;

(b) Ekonomi: Melaksanakan sistem ekonomi adil serta dinamik, bebas daripada penindasan, korupsi, kecurangan, pembaziran dan mencegah penumpuan kekayaan (5.9); menaikkan taraf sosio-ekonomi semua golongan yang miskin atau terbiar; dan memastikan kedudukan istimewa Melayu tidak disalahguna untuk mengayakan segelintir kroni kaya (5.10); menjamin hak bekerja, upahan adil dan mutu kehidupan yang baik bagi semua (5.12); meningkatkan alam sekitar dan mencegah pemusnahannya (5.16);

(c) Sosial: Meyediakan pendidikan, kesihatan dan perumahan bermutu, murah dan mudah bagi golongan berpendpatan rendah (5.11); meningkatkan martabat serta peranan wanita dan memastikan

mereka tidak menjadi mangsa diskriminasi serta eksploitasi (5.13); memperjuang hak dan kemajuan potensi angkatan muda (5.14).

(d) Hak Asasi: Menegakkan hak asasi manusia serta kemuliaan insan (5.8); menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak dan berpersatuan (5.4); menegakkan undang-undang adil, media massa bebas, kehakiman berwibawa dan pasukan keselamatan yang profesional (5.3);

(e) Agama: Menghayati Islam sebagai agama Persekutuan dan menjamin hak bukan Islam mengamalkan agama atau kepercayaan masing-masing; menggalak peranan agama serta nilai-nilai sejagat untuk menegakkan keadilan, kebenaran, ketinggian akhlak, pembangunan insan dan martabat manusia (5.5);

(f) Bahasa dan Budaya: Mendaulatkan Bahasa Malaysia di samping menjamin hak rakyat mengguna, mempelajari dan mendapat pelajaran dalam bahasa ibunda; menggalak perkembangan budaya dan seni Malaysia berasaskan semua warisan peradaban di negara (5.6).

LAMPIRAN III

Deklarasi Permatang Pauh

Menyedari gesaan al-Quran yang bermaksud "tidaklah kami mahu melainkan untuk melakukan islah sekuat daya kami";

Dan berilhamkan tradisi budaya-budaya Asia yang keseluruhannya menganjurkan pembaharuan diri dan masyarakat;

Dan menginsafi bahawa Malaysia kini dicengkam kemelut yang dahsyat dan memerlukan kekuatan dalaman untuk bangun semula;

Maka kami rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama bertekat untuk melancarkan gerakan Reformasi yang menyeluruh:

Gerakan Reformasi yang terpancar perjuangan hati nurani, dari kesedaran bahawa sesungguhnya diri manusia itu mulia dan merdeka, mempunyai hak dan tanggungjawab, diri manusia haram dizalimi dan diaibkan, haram dibelenggu dan disekat tanpa mengikut proses dan undang-undang yang adil;

Gerakan Reformasi untuk menegakkan keadilan untuk semua, yang kuat dan yang lemah, yang kaya dan yang miskin; membersihkan institusi dan proses undang-undang dari dicemari oleh penyalahgunaan kuasa dan rasuah;

Gerakan Reformasi untuk mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses demokrasi. Demokrasi itu satu kemestian, kerana semangat keadilan

yang ada dalam diri manusia membolehkan demokrasi dilaksana, tetapi kecenderungan manusia untuk berlaku zalim menjadikan demokrasi satu kewajipan;

Gerakan Reformasi untuk memperjuangkan keadilan ekonomi, menjana pertumbuhan dan pengagihan yang saksama, jangan yang kaya bertambah kaya yang miskin papa kedana. Dunia ini mencukupi untuk keperluan semua, tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi kerakusan individu;

Gerakan Reformasi untuk membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mengikis manipulasi pasaran oleh segelintir golongan rakus dan mahakaya;

Gerakan Reformasi untuk memperkukuhkan jayadiri budaya yang dinamis, setia kepada warisan bangsa yang murni dan terbuka kepada segala yang baik dari semua budaya;

Gerakan Reformasi untuk membawa bangsa Malaysia ke zaman maklumat dan dunia tanpa sempadan, menjana kebijaksanaan, keyakinan dan keterbukaan untuk menjalin persahabatan sejagat berdasarkan prinsip kebenaran dan keadilan.

Kami akan menggerakkan Reformasi ini dengan aman, mengikut semangat perlembagaan dan bernafaskan prinsip pemerintahan undang-undang.

Masanya telah tiba. Bersatulah untuk Reformasi.

Permatang Pauh 12 September 1998

Anwar Ibrahim

Buku kecil ini lebih tepat merupakan risalah yang membicarakan sejarah dan dasar perjuangan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN). Sejarah Parti ini boleh dikatakan kesinambungan sejarah perjuangan parti-parti serta gerakan-gerakan rakyat progresif yang sudah lama untuk menegakkan kebebasan dan hkeadilan yang tulen. Dasar perjuangan KEADILAN jelas dan tegas untuk mempelopori Reformasi atau perubahan demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat, bersendikan kebebasan dan keadilan itu. Risalah ini siap ditulis pada awal 2016.

Lahir di Batu Pahat pada 1936, Syed Husin Ali telah berkhidmat di Universiti Malaya (1963-1990) sehingga menjadi Profesor Antropologi dan Sosiologi. Beliau disuruh berhenti setelah dipilih sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada 1990. Apabila PRM bercantum dengan Parti Keadilan Nasional (keADILan) untuk menubuhkan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) pada 2003, beliau menjadi Timbalan Presidenya (2003-10). Kini Syed Husin adalah seorang anggota Biro Politik KEADILAN. Beliau ditahan tanpa bicara di bawah ISA enam tahun (1974-80). Mendapat Ph.D. dari LSE pada 1972.

PARTI KEADILAN RAKYAT

Diterbit oleh:

Komunikasi KEADILAN
A-1-09, Merchant Square
Jalan Tropicana Selatan 1,
47410 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Nombor Telefon:
603–7885 0530

Email: komunikasi@keadilanrakyat.org